

13 DEC 2002

Mahathir-Keamanan/I

TANGANI MASALAH ORANG ISLAM, RUNDING DAN BERUSAHA BAGI KEAMANAN, KATA PM

Oleh: Harlina Samson

TOKYO, 13 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata isu-isu rampasan tanah orang Islam dan penindasan orang Islam di seluruh dunia perlu ditangani bagi membolehkan dunia yang saling bergantung memupuk keamanan.

Menyatakan bahawa dunia yang saling bergantung perlu mengadakan rundingan, secara ikhlas cuba memahami masalah itu dan berusaha keras bagi keamanan, beliau berkata tidak akan wujud keamanan dan dialog kecuali kekecewaan sebenar orang Islam diakui dan ditangani.

Beliau berkata wujud kekeliruan yang jelas antara konfrontasi agama dan rampasan wilayah, dan walaupun ada elemen agama terlibat, konfrontasi serius pada hari ini antara orang bukan Islam dan orang Islam, tidak lain daripada niat untuk bertindak balas dan membalas dendam.

"Sekiranya dua faktor ini diakui dan rundingan dijalankan secara adil dengan objektif atau menyingkirkan puncanya, dengan kehendak Tuhan, ia akan diikuti dengan keamanan," kata beliau pada ucap-tama pada simposium bertajuk "Islam: Memupuk Keamanan dan Dialog Dalam Dunia Yang Saling Bergantung" di Universiti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.

Simposium itu dianjurkan Universiti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, duta negara-negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Diet (Jawatankuasa Anggota Parlimen Jepun Mengenai Islam) di sini hari ini.

Mengingatkan para peserta yang memenuhi dewan akan kejadian serangan keganasan baru-baru ini di Mombasa, Kenya, beliau berkata ikrar yang dibuat oleh orang Israel bahawa mereka akan memburu para pengganas itu menggambarkan sikap mahu bertindak balas dan juga dendam.

"Tetapi tidak semestinya orang Israel akan selamat selepas pembunuh berkenaan dihapuskan. Api kemarahan itu dan golongan yang menyokong perjuangan mereka akan memastikan anggota baru akan melancarkan serangan baru," katanya.

Oleh itu, beliau berkata tidak akan ada kemajuan dalam usaha memerangi pengganas dan sebaliknya akan bertambah buruk.

"Jadi, bagaimanakah cara kita untuk memupuk keamanan dan mengadakan dialog dalam dunia kita yang saling bergantung dalam dunia kemarahan dan keberangan pada semua orang? Jawapan yang mudah ialah kita tidak akan dapat memupuk keamanan dan mengadakan dialog selagi kedua-dua belah pihak mahu membalas dendam," katanya.

Dr Mahathir juga mengulangi bahawa dunia yang saling bergantung hanya dapat memupuk keamanan dan mengadakan dialog sekiranya mereka kembali menjadi waras dan menumpukan pada punca-punca keganasan.

Beliau percaya bahawa punca keganasan oleh orang Islam ialah hakikat bahawa mereka lemah dan tidak berupaya berunding secara setaraf dengan pengkritik mereka, dan mengambil tindakan ke atas orang Islam bukannya dialog bagi keamanan.

"Kita semua patut mengakui bahawa pengkritik-pengkritik orang Islam dan bukan Islam yang bersalah," katanya.

Dr Mahathir berkata hakikat bahawa orang Islam telah ditindas dan didera sejak kejatuhan Empayar Ottoman tidak dapat dinafikan, dan telah mencetuskan rasa marah, sakit hati dan kecewa di kalangan orang Islam dan akibat menyeluruhnya ialah serangan keganasan.

Beliau berkata kerajaan-kerajaan Islam mungkin terpaksa bersetuju, tetapi tidak rakyat mereka, sesetengahnya akan terus berjuang dalam apa cara yang mereka mampu.

Perdana Menteri berkata kerajaan-kerajaan Islam tidak mempunyai kawalan sepenuhnya ke atas golongan ekstremis di negara-negara mereka, tapi tanpa sebarang punca, kemarahan itu akan lenyap dan jumlah orang diambil sebagai anggota baru bagi keganasan akan berkurangan.

Aakhirnya, beliau berkata, keganasan akan terhenti kerana kurangnya sokongan.

Menyentuh panjang lebar mengenai konflik Israel-Palestin, Dr Mahathir berkata bahawa apa yang berlaku di Asia Barat bukan hanya semata-mata perang agama, kerana sebelum penubuhan negara Israel, orang Arab dan Yahudi saling hidup dengan aman di Palestin Arab.

"Rakyat Palestin berperang pada hari ini adalah kerana angkara Israel, yang secara paksa merampas tanah dan harta benda orang Arab dan menyingkirkan orang Palestin dari negara dan tanah air mereka," katanya dan menurutnya selama 50 tahun ini, pertikaian wilayah telah disalahtafsir sebagai pertikaian agama.

Perdana Menteri berkata sokongan orang Islam terhadap perjuangan rakyat Palestin adalah kerana wujudnya pertalian dalam agama mereka, dan lagipun, tiada siapa mahu menolong mereka.

Mengenai agama Kristian yang juga telah melalui pelbagai perubahan dan perpecahan, beliau berkata orang Yahudi telah mencipta Zionis, lebih nasional daripada agama.

"Bersatu, mereka telah berjaya mengatasi pembunuhan kaum dan penyiasatan, akhirnya muncul sebagai sebuah kuasa yang kuat apabila demokrasi memberikan mereka status samarata dan undi mereka memutuskan siapa yang memerintah negara-negara kuasa besar di mana mereka tinggal," katanya.

Mengimbas sejarah Eropah semasa orang Yahudi dinafikan sebarang tanah untuk panggil sebagai negara sendiri, Dr Mahathir berkata mereka membuat pilihan terakhir untuk memberikan tanah air kepada orang Yahudi di Palestin, tetapi bukannya di Eropah.

Beliau berkata itu adalah satu kesilapan kerana orang Arab tidak nampak sebab-sebabnya kenapa mereka dipertanggungjawabkan untuk membayar hutang orang Eropah.

Sejak itu, isu wilayah Palestin telah melanda dunia, mengakibatkan salah faham dan konfrontasi menyedihkan antara orang Arab, Eropah dan Yahudi, dan ramai orang berpendapat perselisihan itu berpunca daripada agama.

Dr Mahathir berkata Palestine bukannya merupakan punca tunggal tentangan terhadap orang Islam kerana tentangan terhadap orang Islam dan negara mereka terus berlaku, dan bahawa perang Kristian terhadap Islam tidak pernah berhenti sebenarnya.

Dalam banyak kes, beliau berkata di Iran, Iraq, Chechnya, Sudan, Libya dan Asia Selatan, orang Islam telah ditindas.

"Manakala Iraq, Iran dan Korea Utara telah dilabelkan sebagai Paksi Kejahatan, tindakan ditumpukan hanya pada Iraq dan Iran, negara-negara Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata orang Islam mengutuk semua bentuk keganasan sepertimana juga orang bukan Islam dan kebanyakan mereka menunjukkan kesediaan untuk bekerjasama dalam memerangi keganasan, tetapi sumbangan mereka tidak membebaskan mereka daripada disyaki dan ancaman serangan oleh pihak yang mereka memberikan kerjasama.

Ketika kuasa besar menganggap perang terhadap penganas dan keganasan sama seperti perang konvensional, beliau berkata kehilangan kerjasama dalam memerangi keganasan mungkin berlaku dan serangan penganas akan menjadi sebahagian hidup mereka.

"Dunia akan berdepan dengan perang yang lama dan menyakitkan yang akan mengakibatkan semua orang berada dalam keadaan ketakutan, menjejaskan

ekonomi dunia dan menjadikan kemajuan dalam sains dan teknologi tidak berguna," katanya.

Menegaskan bahawa Islam bermakna aman, Dr Mahathir berkata dunia yang saling bergantung patut saling bergantung antara satu sama lain daripada hanya menjadi satu pihak atau satu kuasa.

-- BERNAMA

HS RM RHM